

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN MPC (BOM)

TAJUK Keterangan: Tajuk Projek/ Cadangan	MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN DAYA SAING PELBAGAI SEGMENT MASYARAKAT DI MALAYSIA MELALUI KAJIAN SEJAHTERA INDEKS PEMBUDAYAAN PRODUKTIVITI (SEJAHTERA <i>PRODUCTIVITY CULTURE INDEX (SPCI)</i>) <i>POST-PANDEMIC</i> / ENDEMIK BAGI TAHUN 2022 SERTA PENINGKATAN SKOR INDIKATOR WCY SUB-FAKTOR SIKAP & NILAI (<i>ATTITUDES & VALUE</i>).
TARIKH/ GARIS MASA Keterangan: Jadual mula dan akhir pelaksanaan projek/ cadangan	Julai 2022 – Disember 2022
TUJUAN & LATAR BELAKANG Keterangan: Tujuan dan penerangan ringkas mengenai projek	Produktiviti sentiasa diukur dengan sumbangan buruh kepada KDNK dan kos jam bekerja tanpa mengambil kira nilai kemanusiaan, sikap dan kemahiran yang menyumbang kepada produktiviti. Sehubungan itu, MPC telah menjalankan kajian Sejahtera <i>Productivity Culture Index</i> di bawah teras 5 MPB bagi mengukur indeks budaya produktiviti meliputi pelbagai segmen masyarakat di Malaysia berdasarkan 5 Teras/<i>Drivers</i>: Nilai (<i>Values</i>), Intelpek (<i>Intellect</i>), Keturunan (<i>Progeny</i>), Sumber (<i>Resources</i>) dan Cara Hidup (<i>Way of Life</i>). MPC telah menjalankan <i>baseline study</i> pada tahun 2019 (pra-pandemik) dan kajian SPCI 2021 (pandemik). Hasil kajian SPCI 2021 telah dibentangkan di mesyuarat Jawatankuasa Pembudayaan Produktiviti di bawah Teras 5 Blueprint Produktiviti Malaysia (MPB), Mesyuarat Lembaga Pengarah MPC dan Mesyuarat DMO melibatkan pihak EPU dan MITI, dan ahli mesyuarat amat berpuas hati dengan hasil kajian yang telah dilaksanakan. Ahli mesyuarat menyarankan agar kajian ini diteruskan pada tahun 2022, dengan mengambil kira kesan <i>post-pandemic</i> / endemik Covid-19. Antara fokus kajian pada tahun 2022 adalah menganalisa impak setiap elemen dalam 5 prinsip asas produktiviti serta membuat perbandingan <i>trend</i> budaya produktiviti bagi era endemik (2022), pandemik (2021)

	dan pra-pandemik (2019).
JUSTIFIKASI Keterangan: Penjelasan yang menyokong kepada pelaksanaan projek/ cadangan	Berdasarkan laporan IMD World Competitiveness Yearbook (WCY), Malaysia menunjukkan penurunan kedudukan bagi sub-faktor Sikap & Nilai (<i>Attitudes & Value</i>), di mana Malaysia berada di tangga ke-26 pada tahun 2021 berbanding di tangga ke-16 pada tahun 2019. Sehubungan itu, MPC mencadangkan untuk menjalankan kajian indeks Sejahtera Pembudayaan Produktiviti 2022 bagi; • Mengukur indeks pembudayaan produktiviti pelbagai segmen masyarakat di Malaysia bagi <i>post-pandemic</i> (endemik) berdasarkan 5 Teras/Drivers: Nilai (<i>Values</i>), Intelek (<i>Intellect</i>), Keturunan (<i>Progeny</i>), Sumber (<i>Resources</i>) dan Cara Hidup (<i>Way of Life</i>). • Mengukur dan menganalisa sub-indeks bagi setiap Teras/Drivers termasuk impak dari segi kualiti hidup, taraf hidup, digitalisasi dan kelestarian. • Membangunkan pelan tindakan dan program produktiviti bagi peningkatan sikap dan nilai budaya produktiviti bagi kumpulan sasaran bagi meningkatkan kedudukan Malaysia di sub-faktor Sikap & Nilai (<i>Attitudes & Value</i>) dalam laporan IMD World Competitiveness Yearbook.
KAEDAH PELAKSANAAN Keterangan: Kaedah yang perlu dilakukan bagi melaksanakan projek	Menggunakan metodologi soal selidik secara <i>hybrid</i> : - 70% soal selidik secara <i>online</i>. - 30% soal selidik secara fizikal dan bersemuka (<i>face-to-face engagement</i>). Kaedah ini digunakan bagi kawasan luar bandar dan generasi <i>Baby Boomers</i> (berumur 55 tahun ke atas).
STAKEHOLDERS/ PIHAK BERKEPENTINGAN Keterangan: Pihak atau kumpulan yang menerima kesan positif mahupun negatif daripada projek yang dijalankan	- Kementerian dan Agensi Kerajaan di Persekutuan dan Negeri. - Industri dan persatuan perniagaan. - Lembaga Pengarah & Pengurusan MPC - Rakyat.
JANGKAAN HASIL/ OUTCOME Keterangan: Apa yang MPC perlu capai/ faedah-faedah jangka pendek dan jangka panjang hasil dari intervensi projek/ cadangan	- Input mengenai tindakan dan intervensi seterusnya berdasarkan sub-indeks dan penemuan serta input bagi pembuat dasar bagi menambah baik ekosistem menjalankan perniagaan di Malaysia. - Pelan tindakan dan program produktiviti bagi peningkatan sikap dan nilai budaya produktiviti bagi kumpulan sasaran

	iii. Menentukan saluran terbaik untuk penyebaran maklumat produktiviti dan daya saing meliputi pelbagai segmen masyarakat di Malaysia.
JANGKAAN OUTPUT Keterangan: Output ketara dan tidak ketara yang dihasilkan daripada aktiviti projek/ cadangan.	i. <i>Inception report.</i> ii. <i>Preliminary report.</i> iii. Laporan akhir Sejahtera Indeks Pembudayaan Produktiviti 2022. iv. <i>Summary in PowerPoint presentation charts</i>
KUMPULAN SASAR Keterangan: Individu/ kumpulan yang menerima faedah daripada projek/ cadangan	i. Kementerian dan Agensi Kerajaan di Persekutuan dan Negeri. ii. Industri dan persatuan perniagaan. iii. Lembaga Pengarah & Pengurusan MPC. iv. Segmen masyarakat
SUMBER BAJET/ KOS Keterangan: Sumber bajet / jumlah kos yang terlibat.	Bajet Operasi Daya Saing RM40 sebanyak RM169,600 Perincian kos seperti di lampiran 1.
HASIL (RM) - SEKIRANYA ADA Keterangan: Pendapatan yang diterima daripada projek	Tidak berkenaan
SYOR Keterangan: Keputusan yang diperlukan daripada Lembaga Pengurusan MPC	Lembaga Pengurusan MPC adalah dipohon untuk mempertimbangkan dan seterusnya meluluskan cadangan kos menggunakan bajet operasi daya saing RM40 yang melibatkan kos sebanyak RM169,600.00
UNIT/ BAHAGIAN	CPD

**Wajib diisi	**Wajib diisi	Permohonan memadai disemak sehingga peringkat Penyelia. Kolum ini boleh diabaikan sekiranya tidak berkaitan
DISEDIAKAN OLEH:  NOOR IZZATI KAMIS Penolong Pengurus 23 Mei 2022	DISEMAK OLEH:  SHEZLINA ZAKARIA Timbalan Pengarah 23 Mei 2022  DR. FARIDAH TAJU RAHIM Pengurus Kanan 26 Mei 2022	DISAHKAN OLEH:  SARIMAH MISMAN Pengarah 26 Mei 2022

LAMPIRAN 1**PERINCIAN KOS PERBELANJAAN**

Bil.	Jenis laporan	Fasa	Pembayaran	RM (termasuk 6% SST)
1.	<i>Inception report</i>	Fasa 1	30%	RM50,880
2.	<i>Preliminary report</i>	Fasa 2	30%	RM50,880
3.	<i>Final report</i>	Fasa 3	40%	RM67,840
Jumlah (RM termasuk 6% SST)				RM169,600